

Panel bagi kumpul idea dan saranan Melayu dilancar



CARI SUARA HATI MASYARAKAT: Encik Sallim (empat dari kiri) bersama sebahagian anggota Suara Musyawarah yang diperkenalkan semalam, iaitu (dari kiri) Encik Nizam, Encik Alwi, Cik Saleemah, Encik Ahmad Firdaus, Encik Zuraimi dan Dr Noorul. — Foto THE STRAITS TIMES

Jawatankuasa dikenali sebagai Suara Musyawarah umum enam lagi anggota

Oleh NUR ADILAH MAHBUB
 adilaham@sph.com.sg

JAWATANKUASA bebas yang dibentuk bagi mengumpul idea dan saranan untuk menentukan langkah selanjutnya demi meningkatkan kemajuan masyarakat Melayu/Islam dilancarkan semalam dan memperkenal sembilan anggotanya buat permulaan.

Diberi nama Suara Musyawarah, jawatankuasa itu bertujuan menggalak perbincangan dan perkongsian idea yang baik, kata pengerusinya, Encik Sallim Abdul Kadir.

Pembentukan jawatankuasa itu diumumkan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, Ogos lalu.

Dalam satu sidang akbar semalam, Encik Sallim membentangkan skop tugas jawatankuasa tersebut, yang termasuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat, seperti pemimpin masyarakat, akar umbi, badan Melayu/Islam dan individu.

Ini akan dijalankan menerusi pelbagai wadah, seperti perbincangan kumpulan fokus, dialog, Facebook dan laman www.suaramusyawarah.com.

Ia akan mengenal pasti dan

mengutamakan beberapa isu penting bagi cuba mencapai keta sepakat dalam menangani ny.

Jawatankuasa itu merancang mengemuka beberapa saranan dalam satu laporan yang akan dibentangkan kepada Dr Yaacob dalam tempoh enam hingga sembilan bulan.

Encik Sallim semalam memperkenalkan enam lagi anggota jawatankuasa itu. Selain beliau sendiri, dua naib pengurusnya telah diumum sebelum ini.

Antara mereka ialah Encik Mohd Sa'at A. Rahman, Timbalan Editor Berita Harian/Berita Minggu; Encik Ahmad Firdaus Daud, calon Doktor Juris, Universiti Pengurusan Singapura (SMU); dan Encik Mohd Nizam Ismail, Pengarah Eksekutif, Morgan Stanley.

Encik Sallim berkata anggota jawatankuasa itu dipilih daripada pelbagai latar belakang dan kerjaya bagi mendapatkan perspektif dan suara berbeza.

Ditanya apakah isu-isu yang akan mendapat perhatian, Encik Sallim berkata beliau berharap masyarakat akan tampil menyarakkan isu-isu untuk dibincangkan.

“Mungkin kami tidak akan dapat menangani semua isu tetapi

pi pastinya kami tidak akan ketepikan satu isu pun,” ujar ketua sumber manusia firma Consistel itu.

Dalam sidang akhbar di Restoran Mamanda, Kampung Glam, itu, beliau turut menekankan bahawa jawatankuasa tersebut akan menjalankan tugasnya secara bebas.

Usaha itu juga berasingan daripada inisiatif Perbincangan Singapura yang sedang dijalankan di peringkat nasional.

“Bagaimanapun, perbincangan itu mungkin ingin memanfaatkan saranan-saranan kami,” ujar Encik Sallim.

Encik Mohd Nizam pula, yang juga anggota lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), berkata:

“Saya berharap perbincangan itu akan benar-benar memaparkan aspirasi, pandangan yang pelbagai dalam masyarakat, termasuk apa jua kemarahan atau kepedihan yang dirasai.”

Naib pengurus jawatankuasa itu, Encik Alwi Abdul Hafiz, berharap perbincangan yang akan diadakan masyarakat Melayu/Islam menerusi Suara Musyawarah tidak akan tertumpu pada isu atau cabaran yang membelenggu masyarakat semata-mata.

“Kita harus turut memberi perhatian pada kekuatan dan aset kita sebagai sebuah masyarakat, seperti peratusan anak muda yang tinggi dalam masyarakat,” ujar Encik Alwi.

Suara Musyawarah

► Pengerusi
 Encik Sallim Abdul Kadir,
 Ketua Sumber Manusia
 firma Consistel

► Naib Pengerusi
 – Encik Alwi Abdul Hafiz,
 Pengarah Urusan Asean
 bagi BSI Group
 – Cik Saleemah Ismail,
 Konsultan, Saffron
 Consulting

► Anggota
 – Encik Mohd Sa'at A.
 Rahman, Timbalan
 Editor, Berita
 Harian/Berita Minggu
 – Encik Ahmad Firdaus
 Daud, Calon Doktor
 Juris, Universiti
 Pengurusan Singapura
 – Lettenan Kolonel Kadir
 Maideen Mohamed,
 Komander Divisyen
 Pertahanan Awam Kedua
 – Encik Mohd Nizam
 Ismail, Pengarah
 Eksekutif, Morgan Stanley
 – Dr Noorul Fatha
 As'art, Penolong
 Pengarah Cawangan
 Penyakit Tidak
 Berjangkit, Kementerian
 Kesihatan
 – Encik Zuraimi Jumaat,
 Pengurus Jualan dan
 Operasi, KKF Pte Ltd